



PERARAKAN masuk Sultan Pahang ke-6 ke Balaiung Seri yang diketuai oleh Tengku Besar Pahang, Tengku Kamil Ismail, Tengku Idris Shah di Istana Abu Bakar.

## Lantik waris takhta ikut tradisi

**Pekan:** Sultan Pahang VI Al-Sultan Abdullah Ri'aya-tuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah memberi bayangan bahawa pelantikan pewaris takhta baginda akan dilakukan mengikut tradisi.

Baginda bertitah, perkara itu memerlukan kepada perbincangan antara ahli keluarga dan kerabat diraja baginda terlebih dahulu.

"Waris ganti akan saya tentukan dalam masa terdekat...saya kena berbincang dengan pihak keluarga saya dan Insya-Allah saya percaya semua (orang ramai) sudah boleh ramal kalau ikut tradisinya.

"Cuma (sekarang) nak tetapkan dan menyakinkan (diri) kemudian kita boleh memutuskan waris takhta," titahnya kepada media selepas istiadat pemasyhuran di Istana Abu

Bakar di sini, semalam. Al-Sultan Abdullah bertitah, pengumuman pewaris takhta iaitu Tengku Mahkota Pahang yang sebelum ini baginda pegang selama 44 tahun akan ditentukan dalam masa terdekat.

Mengikut tradisi, putera sulungnya yang juga Tengku Panglima Besar Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah, 23, boleh dilantik sebagai Tengku Mahkota Pahang.

Ini kerana secara tradisi Tengku Mahkota Pahang akan diserahkan kepada putera sulung kepada pemerintah semasa iaitu Al-Sultan Abdullah yang putera sulungnya adalah Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah.

Sementara itu, Al-Sultan Abdullah memaklumkan anakandanya iaitu Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah kini sedang

melanjutkan pelajaran di Akademi Ketenteraan Diraja di Sandhurst, United Kingdom (UK) selama setahun dan menyampaikan salam kepada semua.

"Saya harap dapat tunaikan tugas dan amanah ini (sebagai Sultan) dengan sebaik mungkin dan saya akan beri segala raga, nyawa dan masa untuk Pahang. Sama-samalah kita diberkati Allah SWT," titahnya.

Sementara itu, ditanya mengenai kebarangkalian baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ke-16 selepas pemasyhuran sebagai Sultan Pahang, baginda bertitah ia terletak kepada ketentuan Allah SWT dan menyerahkan sepenuhnya kepada keputusan yang akan dibuat Majlis Raja-Raja.



ISTIADAT PEMASYHURAN SULTAN PAHANG VI

# AIR MATA PENUH KASIH

■ Sultan Abdullah sebak ketika baca titah sulung mohon rakyat mendoakan kesejahteraan ayahanda



ANTARA kerabat diraja Pahang yang hadir pada Majlis Istiadat Pemasyhuran Sultan Pahang ke-6 di Balairung Seri, Istana Abu Bakar, semalam.

**Abdul Razak Raaff dan  
Mohamad Azim Fitri Abd Aziz**  
cnews@nstp.com.my

### Pekan

Suasana hening dan sayu di Balairung Seri dan Dewan Santapan Istana Abu Bakar di sini, selepas Sultan Pahang VI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatu-din Al-Mustafa Billah Shah Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menitis-kan air mata serta sebak ketika membaca titah sulung. Al-Sultan Abdullah yang memakai baju kuning bersama isteri Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah kelihatan sebak beberapa minit dan

menitiskan air mata ketika bersemayam di singgahsana.

Baginda sebak ketika membacakan titahnya yang memohon rakyat mendoakan kesejahteraan ayahandanya, Sultan Ahmad Shah serta bondanya, Al-Marhumah Tengku Ampuan Afzan Rahimahallah Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad yang mendidik baginda dengan penuh kasih sayang.

Sebahagian daripada ahli kerabat diraja, tetamu kenamaan, ketua jabatan dan agensi kerajaan Persekutuan dan negeri yang memenuhi Balairung Seri dilihat turut tidak dapat mengawal perasaan sama ditunjukkan baginda.

Malah, suasana sayu itu turut dikongsi di Dewan

Santapan yang seolah-oleh memahami isi hati baginda yang sedih membacakan titah selepas dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang.

Istiadat pemasyhuran yang berlangsung hampir sejam setengah itu bermula sebaik keberangkatan baginda dan isteri pada jam 11 pagi ke Balairung Seri Istana Abu Bakar.

Turut berangkat Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman dan Tengku Arif Temenggong Pahang Tengku Fahd Mu'adzam Ahmad Shah.

Tengku Abdul Rahman mengetuai laungan Allahu Akbar sebanyak tiga kali dan laungan Daulat Tuanku mengiringi istiadat pemasyhuran itu.

Terdahulu, Tengku Abdul



AL-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah menitiskan air mata ketika menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pemasyrhan Sultan Pahang ke-6 di Istana Abu Bakar, semalam.

## Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Biodata rasmi Sultan Pahang Sultan Abdullah Al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang dikeluarkan Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang.

**R**e Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang.

### \* Pendidikan awal

Baginda menerima pendidikan awal prasekolah di Sekolah Clifford, Kuala Lipis pada 1965 sebelum menyambung perskolahan di Sekolah Kebangsaan Ahmad, Pekan (1966-1969) dan Sekolah Rendah Kebangsaan St Thomas, Kuantan serta pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas (1970-1974).

Baginda kemudian berangkat ke United Kingdom (UK) untuk meneruskan pengajian di Aldenham School, Elstree, Hertfordshire, UK dan Davies College, London, UK pada 1975-1977.

Pengajian baginda kemudian disambung dalam bidang ketenteraan iaitu di The Royal Military Academy Sandhurst, UK (1978 - 1979) dan pengajian di Worcester & Queen Elizabeth College, UK (1980 - 1981) sehingga baginda dianugerah-

### \* Isteri

Baginda mendirikan rumah tangga dengan Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, 59.



### \* Putera dan Puteri

Perkongsian hidup baginda berdua dikurniakan dengan empat putera dan lima puteri; iaitu Yang Mulia Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah, Yang Mulia Tengku Puteri Iman Afzan, Yang Mulia Puteri Ilisha Ameera, Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah, Yang Mulia Tengku Puteri Ilyana, Yang Mulia Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah, Yang Mulia Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah, Yang Mulia Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah dan Yang Mulia Tengku Puteri Jihan Azizah Athiyatullah.

### \* Jawatan disandang

Pada masa ini, baginda menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang,


## Negeri kekal cemerlang

Kemakmuran dan kesejahteraan negeri akan terus kekal di bawah pemerintahan Sultan Pahang VI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pemerintahan Sultan Abdullah akan kekal cemerlang seperti pemerintahan Sultan Ahmad Shah sebelum ini.

"Tuanku sendiri sudah sekian lama dilantik sebagai Pemangku Raja Pahang termasuk selama lima tahun ketika ayahandanya bersemayam di Istana Negara sebagai Yang Di-Pertuan Agong.

"Menerusi pengalaman tersebut patik percaya sudah membuatkan Tuanku amat berpengalaman dalam mengendalikan urusan sebagai Sultan Pahang," katanya pada istiadat pamasyrhan Al-Sultan Abdullah sebagai Sultan Pahang ke-6 di Balairung Seri



Sultan Abdullah mengucup al-Quran selepas membaca lafaz ikrar menerima jawatan sebagai Sultan Pahang pada Majlis Istiadat Pasmasyhuran Sultan Pahang ke-6 di Balairung Seri, Istana Abu Bakar.

ahman turut membacakan pengisytiharan Pelantikan Raja mengikut Perkara 9A Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian pertama).

“Maka adalah dengan ini dimasyhurkan bagi pengetahuan orang ramai bahawa Jumaah Pangkuan Negeri Kali Ke-110 yang bermesyuarat pada 11 Januari 2019 bersamaan 5

Jamadilawal 1440 Hijrah dan mengikut hukum syarak bersetuju memilih, melantik dan memasyhurkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Tengku Abdullah Alhai DK SSAP SIMB DK

Terengganu, DK Johor, Pemangku Raja Pahang, Waris Ganti menjadi raja pemerintah yang menaiki takhta negeri Pahang dan segala jajahan takluknya bagi menggantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah berkuata kuasa 11 Januari 2019 bersamaan 5 Jamadilawal 1440 Hijrah.

“Maka yang demikian ketahuilah pada semua yang hadir seluruh rakyat Pahang dan semua orang supaya mengambil maklum dan menjunjung taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Sultan Abdullah Alhai ibni Sultan Haji Ahmad Shah,” katanya.

Pada masa sama, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail turut berucap dan ikrar taat setia terhadap pemerintahan Sultan Abdullah pada istiadat pasmasyhuran itu.

Turut hadir wakil Kerajaan Pusat, Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Azmin Ali, Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah, Orang Besar Berempat yang juga Ahli Parlimen Pekan Datuk Seri Najib Razak dan penyanyi, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin

Baginda dianugerahkan Diploma In International Relations And Diplomacy.

### Ketenteraan

Komitmen baginda dalam bidang ketenteraan terserlah sehingga dilantik sebagai Leftenan Muda, Royal Military Academy, Sandhurst, England dengan menerima pentauliahian oleh Queen Elizabeth II pada tahun 1980.

Baginda juga merupakan kapten bagi pasukan Kor Kavelri Diraja Malaysia dan pada 1 Mei 1999 baginda dilantik menjadi Leftenan Kolonel Rejimen 505 Askar Wataniah dan menjadi Kolonel, Rejimen 505 Askar Wataniah pada 1 Jun 2000 serta menjadi Brigadier Jeneral, Komander Rejimen 505 Askar Wataniah pada 1 April 2004.

Pelantikan Tengku Mahkota Pahang Pada tanggal 1 Julai 1975, baginda dilantik menjadi Tengku Mahkota Pahang dan kemudian dimasyhurkan pada 28 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Pada usia menjangkau 20 tahun, baginda dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 untuk tempoh lima tahun iaitu selama tempoh Seri Paduka Ayahanda Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-VII.

Pada 8 Dis 2016, baginda sekali lagi dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang sehingga 11 Januari 2019 iaitu setelah Jumaah Pangkuan Diraja Negeri memutuskan untuk melantik baginda sebagai Sultan Pahang yang keenam.

### Sukan

Baginda juga amat meminati bidang sukan dan ketika di England, baginda mengetuai pasukan Polo Diraja Pahang dalam perlawanan antarabangsa di Windsor Polo Club, England.

Seterusnya, baginda mengambil bahagian dalam pertandingan di Singapura, Filipina, Brunei, Argentina, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Belgium.

Di peringkat negeri Pahang, baginda menubuhkan pasukan bola sepaknya sendiri yang dinamakan pasukan Sri Mahkota Alam di Pekan.

Baginda juga meminati sukan lain seperti golf, go-kart dan penerbangan ultralight.

Baginda juga merupakan Yang Dipertua Badan Kebajikan Kerabat-kerabat Negeri Pahang, Canselor Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Canselor DRB-HICOM University of Automotive Malaysia.

Dalam arena sukan pula, baginda merupakan Ahli Majlis Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF), Ahli Jawatankuasa Eksekutif FIFA dan pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Baginda juga aktif dalam sukan hoki dengan memegang jawatan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia, Presiden Persekutuan Hoki Asia dan Ahli Lembaga Eksekutif Persekutuan Hoki Antarabangsa.

Dalam sukan polo pula, baginda merupakan Presiden Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA), Presiden Kelab Polo Diraja Pahang (RPCC) serta memegang jawatan presiden bagi beberapa sukan lain seperti Kelab Skuasy Pahang (PSC), Kelab Golf Diraja Pahang (RPGC) dan Kelab Menembak Diraja Pahang.



### Pencapaian

Komitmen baginda dalam bidang sukan terserlah bukan hanya di dalam negara, malah turut aktif di persada antarabangsa.

Antara pencapaian baginda di peringkat antarabangsa ialah sebagai Chairman of the Organising Committee of the 1997 FIFA World Youth Championship, member of the Organising Committee of 2003 FIFA Confederations Cup, Paris, Chairman of the Organising Committee of 2011 FIP Polo World Cup, Malaysia, Chairman of Organising Committee of 2012 FIH Congress, Kuala Lumpur, Chairman of 2015 AFC Asian Cup Australia dan Member of the Organising Committee For 2018 World Cup, Russia.

Sumber Bernama

Pahang ke-6 di Balairung Seri Istana Abu Bakar, semalam.

### Pekan

## Pusat jamin terus kerjasama

Kerajaan Pusat memberi jaminan akan terus bekerjasama dengan kerajaan Pahang di bawah naungan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in sebagai Sultan Pahang.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Azmin Ali berkata, pasmasyhuran Al-Sultan Abdullah itu akan dapat mengukuhkan lagi hubungan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang.

“Rakyat Pahang pastinya bersyukur kerana memperoleh seorang sultan yang adil dan sentiasa menyenangi rakyat...saya secara peribadi amat mengenali baginda dan sudah mengenalinya sejak 30 tahun lalu.

“Saya berharap hubungan ini terus kekal dan turut berbangga kerana baginda mewarisi tahta daripada Paduka Ayahandanya (Sultan Ahmad Shah) dan prosesnya berjalan lancar,” katanya